

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقرأ

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

World Of Compassion ·
WORLD #QuranHour
.... a beginning
24 RAMADAN 1442H / 6 MAY 2021

LIVE ^{HD} Tazkirah Ramadhan :
Andainya Ini Ramadhan Terakhir
UiTM Cawangan S. Alam **m/s 6**

LIVE ^{HD} Perlembagaan Persekutuan
Dan Rukun Negara **m/s 7**
UiTM Cawangan Shah Alam

LIVE ^{HD} Nasib Si Penyu
Di Pantai Ganu UiTM **m/s 13**
Cawangan Terengganu

Majlis Khatam Al-Quran dan
Bacaan Surah Al-Mulk UiTM **m/s 26**
Cawangan Sarawak

Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama
Penolong Rektor UiTM **m/s 15**
Cawangan Negeri Sembilan

Apakah Peranan Pustakawan?



Sedikit perkongsian kepakaran melalui pengalaman beliau:

“

Alhamdulillah, saya telah bertugas sejak tahun 1997 telah banyak yang saya tempuhi. Pernah melalui zaman SISPUKOM, ILMU dan WILS. Pernah diamanahkan melaksanakan tugas dan tanggungjawab di semua unit yang ada di perpustakaan cawangan. Kepakaran melalui pengalaman yang saya mahu kongsi adalah pengalaman mentadbir perpustakaan cawangan. Banyak perkara perlu dititikberatkan antara pengurusan sumber manusia, pentadbiran, proses tugas setiap unit serta penghasilannya. Semuanya perlu cepat dan tepat. Ini kerana bertugas di cawangan, bukan sahaja perlu beri pelaporan kepada ketua di kampus malah turut perlu menyediakan maklumat yang tepat dan segera kepada ketua skim di Shah Alam. Memori gembira dan sedih, menguruskan staf yang datang dan pergi, memastikan segera diganti supaya kelangsungan proses kerja terus dapat dilaksanakan. Dihujung tahun perlu menyediakan keperluan peruntukan kewangan, justifikasi permohonan jawatan dan sebagainya. Semuanya menuntut kepakaran, kekuatan, ketelitian dan kesabaran yang tiada galang gantinya. Terima kasih kepada semua bekas Pengurusan Kanan dan Pengurusan Kanan di PTAR, sahabat-sahabat di kampus cawangan dan staf saya di Perpustakaan Kampus Jengka dan Raub. Kerjasama semua sangat saya dihargai.

”

KENALI PUSTAKAWAN

ANDA

32